

# USIM cipta kecemerlangan di Festkum 2010

SEREMBAN 4 Jan. – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meninggalkan tahun 2010 dengan kejayaan apabila mencipta kecemerlangan pada Festival Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Festkum 2010) yang berlangsung di Perlis, baru-baru ini.

Ketua Kontinjen USIM, Mazlan Nawang, berkata, mereka telah berjaya menggondol hadiah paling berprestij dengan menduduki tempat kedua keseluruhan dalam festival berkenaan.

Katanya, selain itu, USIM juga berjaya memenangi pingat emas utama dalam acara muzik akustik, yang mana mereka bersaing dengan institut pengajian tinggi awam (IPTA) lainnya yang mempunyai Fakulti Seni Persembahan.

Antaranya, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di peringkat akhir.

“Kontinjen USIM turut memenangi emas iringan dalam susunan muzik terbaik,” katanya di sini hari ini.

Jelasnya, program yang diadakan itu turut melibatkan pelbagai IPTA dengan UiTM Arau, Perlis sebagai tuan rumah.

Tambahnya, kontinjen USIM juga melahirkan ucapan terima kasih kepada pihak tertinggi universiti ini kerana sokongan yang diberikan dengan memberikan motivasi kepada Urusetia Kesenian Pelajar USIM, di atas kemampuan dalam mengharungi cabaran yang kuat dalam program ini.

Pada majlis tersebut, seramai 1,229 peserta seni budaya dari 20 buah IPTA telah menyertai festival ini untuk merebut 30 pingat emas.

Sebanyak lapan acara seni iaitu muzik akustik, tarian rampaian tradisional Melayu dan Cina, tarian klasik India, boria, dikir barat, nyanyian antarabangsa dan nyanyian irama Malaysia dipertandingkan dalam Festkum 2010 yang lalu.

Majlis penutupan Festkum 2010 itu diserikan dengan keberangkatan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor UniMAP (Universiti Malaysia Perlis).

Turut berangkat, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md Isa Sabu.